



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-88880036
Faks: 603-8888 0840
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: korporat.bomba@1govuc.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/KOR:100-1/9/2 Jld. 4 (5)
Tarikh : 22 Disember 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

EDARAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 10/2020

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengeluarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah iaitu:

i. Perintah Tetap Ketua Pengarah Garis Panduan Penggunaan Media Sosial Bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Perintah Tetap Ketua Pengarah tersebut untuk rujukan dan panduan pihak YS Dato'/Tuan.

4. Pihak YS Dato'/Tuan juga hendaklah mematuhi arahan berkaitan dan memanjangkan kepada semua pegawai di bawah jagaan YS Dato'/Tuan. Perintah Tetap Ketua Pengarah ini juga boleh dimuat turun melalui capaian portal jabatan.

Komitmen serta kerjasama pihak YS Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

.../2-

'CEPAT DAN MESRA'



Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI ROHANI BINTI NADIR)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

- s.k.
- i. YAS Ketua Pengarah
 - ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Senarai Edaran

1. Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
2. Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
3. Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
4. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
5. Pengarah Bahagian Pembangunan
6. Pengarah Bahagian Latihan
7. Pengarah Bahagian Udara
8. Pengarah Bahagian Pengurusan
9. Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
10. YS Pengarah JBPM Negeri Kuala Lumpur
11. YS Pengarah JBPM Negeri Selangor
12. YS Pengarah JBPM Negeri Johor
13. YS Pengarah JBPM Negeri Sarawak
14. YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
15. YS Pengarah JBPM Negeri Perak
16. YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
17. YS Pengarah JBPM Negeri Sabah
18. YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan
19. YS Pengarah JBPM Negeri Terengganu
20. YS Pengarah JBPM Negeri Negeri Sembilan
21. YS Pengarah JBPM Negeri Perlis
22. YS Pengarah JBPM Negeri Labuan
23. YS Pengarah JBPM Negeri Putrajaya

24. Ketua Unit Integriti
25. Komandan ABPM Wilayah Tengah
26. Komandan ABPM Wilayah Timur
27. Komandan ABPM Wilayah Utara
28. Komandan ABPM Wilayah Sarawak
29. Komandan ABPM Wilayah Sabah
30. Pegawai Memerintah Pangkalan Udara Subang
31. Pegawai Memerintah Pangkalan Udara Bertam



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-88880036
Faks: 603-8888 0840
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: korporat@bomba.gov.my

Ruj. Kami :

Tarikh :

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Pegawai Memerintah
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 10 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. TUJUAN

- 1.1 Perintah Tetap ini bertujuan untuk memberi panduan berhubung tanggungjawab dan etika penggunaan akaun media sosial yang perlu dipatuhi oleh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, selaras dengan maksud perenggan 19 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] berkenaan dengan pernyataan awam yang disiarkan melalui media sosial.
- 1.2 Perintah Tetap ini bukan bertujuan untuk mengekang penyebaran maklumat berkaitan Jabatan tetapi mempunyai maksud untuk meminimumkan risiko kepada Jabatan dan warganya melalui kawalan dan pemantauan terhadap pernyataan, komen, ulasan, gambar dan rakaman yang dimuat naik ke laman sosial.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Media masa kini menjadi rangkaian komunikasi yang digunakan secara meluas meliputi segenap lapisan masyarakat. Pihak Kerajaan juga menggalakkan penggunaan media sosial untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat umum. Seajar dengan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga mengiktiraf penggunaan media sosial sebagai alat yang menyokong matlamat bagi penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan dengan lebih berkesan.
- 2.2 Dewasa ini penggunaan media sosial dalam kalangan warga jabatan dilihat semakin meluas. Walau bagaimanapun, didapati bahawa terdapat akaun media sosial yang telah berkongsi pernyataan, komen, ulasan, gambar dan rakaman yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti Jabatan. Justeru itu, penggunaan media sosial ini perlu dikawal dan ditetapkan had-had yang perlu difahami dan dipatuhi oleh setiap warga Jabatan.
- 2.3 Jabatan juga sentiasa memberi galakan berkaitan perkongsian di media sosial yang boleh menaikkan imej Jabatan. Walau bagaimanapun, menurut kuasa di bawah [P.U.(A) 395/1993], Jabatan mempunyai hak untuk menetapkan samada kandungan pernyataan, komen, ulasan, gambar, rakaman dan sebagainya yang disiarkan dalam media sosial boleh memalukan atau memburukkan nama perkhidmatan awam secara amnya atau Jabatan secara khususnya

3. TAFSIRAN

Dalam perintah tetap ini, melainkan jika konteksnya mengehendaki makna yang lain: -

- 3.1 **Media sosial** ertinya kemudahan aplikasi internet yang berupaya untuk menyampaikan kandungan media dan

membolehkan interaksi antara pengguna dengan pembekal kandungan aplikasi media sosial semasa seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube*, *Instagram* atau lain-lain aplikasi yang dikategorikan maksud yang sama.

- 3.2 **Akaun media sosial rasmi Jabatan** ertinya akaun media sosial yang diwujudkan untuk kegunaan rasmi dalam menyampaikan maklumat berkaitan dasar, program dan perkhidmatan Jabatan dan didaftarkan dengan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan.
- 3.3 **Akaun media sosial tidak rasmi Jabatan** ertinya akaun media sosial selain daripada media sosial rasmi Jabatan yang diwujudkan di atas akaun peribadi pegawai bomba, individu atau organisasi yang digunakan untuk menyampaikan maklumat berkaitan dasar, program dan perkhidmatan Jabatan.
- 3.4 **Pentadbir akaun media sosial** ertinya individu atau sekumpulan individu yang dilantik sebagai pegawai bertanggungjawab untuk memantau dan mengemaskini laman media sosial rasmi Jabatan.
- 3.5 **Pengguna media sosial** ertinya individu atau sekumpulan individu yang mempunyai akaun media sosial untuk kegunaan peribadi.
- 3.6 **Pegawai pemantau** ertinya pegawai yang dilantik oleh Jabatan untuk memantau kandungan yang dimuat naik ke akaun media sosial rasmi Jabatan dan apa-apa pernyataan, komen, ulasan, gambar, rakaman dan sebagainya oleh pengguna media sosial yang boleh mencemarkan imej dan kredibiliti Jabatan.
- 3.7 **Warga Jabatan** ertinya semua Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Bomba Sukarela yang dilantik di bawah Seksyen 3, 4 dan 4A, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Pegawai Gunasama yang berkhidmat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

4. PENDAFTARAN AKAUN MEDIA SOSIAL RASMI JABATAN

4.1 Jabatan membenarkan satu (1) akaun media sosial diwujudkan di peringkat Ibu Pejabat, Bahagian, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM), Pangkalan Udara JBPM, Unit Integriti, Unit Pengesan, Pejabat-pejabat Zon dan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) untuk kegunaan rasmi.

4.2 Semua akaun media sosial rasmi Jabatan hendaklah dipastikan mendaftar dengan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan melalui Bahagian Pengurusan Korporat menggunakan borang seperti di **Lampiran 1**.

5. ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB PENTADBIR AKAUN MEDIA SOSIAL

5.1 Berikut adalah etika dan tanggungjawab yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan oleh Pentadbir Akaun media sosial:-

- 5.1.1 Memastikan akaun media sosial adalah milik Jabatan dan bukan milik individu.
- 5.1.2 Menggunakan laman media sosial yang mempunyai penggunaan yang tinggi dalam kalangan kumpulan sasaran atau orang awam.
- 5.1.3 Mematuhi Kod Etika Perkhidmatan Awam dalam penggunaan media sosial dan mendapatkan khidmat nasihat sekiranya diperlukan.
- 5.1.4 Mewujudkan rangkaian hubungan yang baik dengan pemegang taruh (*stakeholders*) melalui media sosial bagi memudahkan komunikasi pada bila-bila masa.
- 5.1.5 Memastikan kandungan yang dimuat naik di akaun media sosial rasmi Jabatan tidak bercanggah dengan dasar-dasar Jabatan dan Kerajaan Malaysia.

- 5.1.6 Menjadikan jaringan sosial sebagai media dalam mempromosi dan memberi publisiti secara sihat kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan.
- 5.1.7 Memastikan kandungan adalah bersesuaian dan mempunyai kepentingan untuk dimaklumkan kepada orang awam.
- 5.1.8 Mengelakkan daripada mewujudkan akaun media sosial yang tidak mampu diselaras atau dipantau.
- 5.1.9 Memastikan maklumat yang dikongsi sentiasa dikemaskini dan sentiasa relevan.
- 5.1.10 Menghapuskan kandungan dan maklumat yang diterima dari orang awam yang tidak relevan dengan perkhidmatan Jabatan.
- 5.1.11 Memastikan pautan dan kandungan antara media sosial dan portal rasmi Jabatan hendaklah jelas dan tidak bertindih.
- 5.1.12 Menggunakan logo rasmi Jabatan dan e-mel rasmi di dalam profil akaun.
- 5.1.13 Menggunakan foto dan/atau video bagi menjelaskan mesej yang hendak disampaikan dalam keadaan yang bersesuaian.
- 5.1.14 Menggunakan *watermark* atau logo Jabatan pada kandungan foto dan/atau video bagi memastikan hak cipta adalah terpelihara.
- 5.1.15 Menggunakan ayat yang ringkas, padat, tepat dan jelas maksudnya bagi setiap kandungan media yang dipaparkan.

- 5.1.16 Tidak memaparkan isu-isu sensitif seperti isu dengan sentimen agama, politik dan perkauman serta yang berunsur fitnah atau hasutan.
- 5.1.17 Tidak memaparkan kenyataan-kenyataan atau perbuatan yang boleh menjejaskan imej Jabatan dan Kerajaan.
- 5.1.18 Membincangkan isu atau topik sensitif secara luar talian.
- 5.1.19 Mengelakkan komunikasi yang bersikap agresif dan kasar.
- 5.1.20 Tidak menggunakan media sosial untuk mengaibkan individu-individu atau organisasi-organisasi tertentu.
- 5.1.21 Mengikuti perkembangan semasa media sosial terkini bagi memastikan penggunaan dalam kalangan warga Jabatan dan orang awam sentiasa berkembang.

6. ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB PENGGUNA MEDIA SOSIAL TIDAK RASMI DAN PERIBADI

- 8.1 Berikut pula adalah etika dan tanggungjawab yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan oleh pengguna media sosial tidak rasmi dan peribadi: -
 - 6.1.1 Memastikan kandungan yang dimuat naik di akaun media sosial peribadi tidak becanggh dengan dasar-dasar Jabatan dan Kerajaan Malaysia.
 - 6.1.2 Menjadikan jaringan sosial sebagai media dalam mempromosi dan memberi publisiti secara sihat kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan.

- 6.1.3 Memastikan kandungan adalah bersesuaian serta mempunyai kepentingan untuk dimaklumkan secara terbuka kepada awam.
- 6.1.4 Membuat perkongsian (*sharing*) atau ulang kicau (*retweet*) bagi kandungan yang telah dimuat naik di laman media sosial rasmi Jabatan tanpa membuat sebarang kenyataan atau komen tambahan yang boleh memberikan persepsi negatif kepada Jabatan.
- 6.1.5 Tidak menggunakan nama penuh 'Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia' sebagai nama akaun media sosial peribadi.
- 6.1.6 Tidak menggunakan *watermark* JBPM pada kandungan foto dan/atau video yang dimuat naik dan sebarang isu atau perkara berbangkit yang timbul berkaitan kandungan yang dimuat naik adalah di bawah tanggungjawab pengguna media sosial yang terlibat dan bukan Jabatan.
- 6.1.7 Tidak mengaitkan Jabatan dengan isu-isu sensitif seperti sentimen agama, politik dan perkauman serta yang berunsur fitnah atau hasutan.
- 6.1.8 Tidak memaparkan pernyataan, komen, ulasan, gambar atau rakaman yang boleh menjejaskan imej Jabatan dan Kerajaan.
- 6.1.9 Tidak memuat naik gambar atau rakaman berkaitan operasi kebombaan dan penyelamatan yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti Jabatan serta membangkiykan sentiment negative dalam kalangan rakyat.
- 6.1.10 Tidak memuat naik gambar atau rakaman berkaitan dokumen-dokumen atau laporan-laporan rasmi Jabatan.

- 6.1.10 Tidak menggunakan laman media sosial untuk mengaibkan Jabatan, individu-individu atau organisasi-organisasi tertentu.
- 6.1.11 Bertanggungjawab dengan setiap pernyataan, komen, ulasan, gambar atau rakaman yang dimuat naik atau dimuat turun di media sosial.

7. PEMATUHAN KEPADA PERINTAH TETAP DAN PERATURAN

- 7.1 Perintah tetap ini hendaklah dipatuhi oleh semua pentadbir akaun media sosial, pengguna media sosial serta warga Jabatan dan pematuhan ini juga tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan peraturan semasa terpakai termasuklah:-
 - 7.1.1 Akta Perkhidmatan Bomba 1988
 - 7.1.2 Akta Rahsia Rasmi 1972
 - 7.1.3 Akta Komunikasi dan Multimedia (Rujuk Seksyen 233 (1))
 - 7.1.4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Rujuk Seksyen 9(1))
 - 7.1.5 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] (Rujuk Perenggan 19)
 - 7.1.6 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003 [P.U.(A) 388/2003]
 - 7.1.7 Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 19 November 2009 bertajuk "Penggunaan Media Sosial Sektor Awam".

- 7.1.8 Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 8 April 2011 bertajuk “Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam”.
- 7.1.9 Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan *Wireless Broadband Internet* dan Media Jaringan Sosial di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ogos 2012.
- 7.2 Ketidakpatuhan terhadap Perintah Tetap ini merupakan pelanggaran terhadap perenggan 62(1)(g) Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003 [P.U.(A) 388/2003] dan perenggan 19 dan perenggan 4(2) (d) dan (i) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] yang boleh dikenakan hukuman tatatertib.

8. PENUBUHAN JAWATANKUASA KAWALAN DAN PEMANTAUAN

- 8.1 Jawatankuasa Kawalan dan Pemantauan hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat. Jawatankuasa ini diletakkan di bawah Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan.
- 8.2 Jawatankuasa Kawalan dan Pemantauan bertanggungjawab dalam memastikan semua kandungan maklumat yang disampaikan dan dimuat naik di media sosial Jabatan tidak melanggar peraturan-peraturan dan etika penggunaan media sosial yang telah ditetapkan.
- 8.3 Pengarah Bahagian dan Pengarah Bomba Negeri hendaklah melantik Pegawai Pemantau media sosial bagi memantau aktiviti media sosial rasmi di bahagian, negeri, pangkalan udara, akademi, unit, pejabat zon dan balai dan memaklumkan kepada Jawatankuasa Kawalan dan Pemantauan.


9. PEMAKAIAN

Perintah Tetap ini hendaklah dipatuhi oleh semua Bahagian, JBPM Negeri, Pangkalan Udara JBPM, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Unit Integriti, Unit Pengesan, Pejabat Zon dan Balai Bomba dan Penyelamat.

10. TARIKH KUATKUASA

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: **21.12.2020**

Lampiran 1

No. Rujukan	
-------------	--

Kepada:
 Pengarah
 Bahagian Pengurusan Korporat
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

PENDAFTARAN MEDIA SOSIAL RASMI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA							
BAHAGIAN/NEGERI/PANGKALAN UDARA/ AKADEMI/ UNIT/ ZON/ BALAI *							
(*potong yang tidak berkenaan)							
NYATAKAN							
MEDIA SOSIAL (TANDAKAN /)		Facebook		Twitter		YouTube	
NYATAKAN URL							
		i					
		ii					
		iii					
		iv					
PENTADBIR		1)	NAMA				
			JAWATAN				
			NO. H/P				
			EMEL				
		2)	NAMA				
			JAWATAN				
			NO. H/P				
			EMEL				
PENGESAHAN							
DISAHKAN OLEH				DITERIMA OLEH			
(t/tangan dan cop rasmi)				(t/tangan dan cop rasmi)			
Nama:				Nama:			
Tarikh:				Tarikh:			